



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55

5hb Disember 2002

No. 25

No. 1031.

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977
[P.U. (A) 155/77]

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH LIPIS

Notis adalah diberi bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Lipis bagi Minuman Yang Memabukkan akan diadakan di Pejabat Daerah Lipis pada hari Khamis, bersamaan 19 Disember 2002 jam 10.00 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen atau penukaran lesen-lesen bagi setengah Tahun Pertama 2003 akan dipertimbangkan.
3. Tiap-tiap permohonan mestilah dihantar dengan 4 (empat) salinan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais, d/a Pejabat Daerah Lipis, sekurang-kurangnya 6 (enam) minggu sebelum mesyuarat diadakan. Salinan-salinan permohonan untuk lesen baru mestilah ditampal di bangunan perniagaan yang bakal bermiaga minuman bagi tempoh tidak kurang 6 (enam) minggu sebelum diadakan mesyuarat.

Bertarikh 14 November 2002.
[PDL. LES. 13.1503.]

DATO' HAJI ALI BIN HAJI AHMAD,
Pengerusi,
Lembaga Pelesenan Eksais,
Daerah Lipis

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 1032.

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13

DELEGATION OF POWER UNDER SECTION 13

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri telah mewakilkan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang kuasa untuk meluluskan pemberian milik kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) mana-mana tanah Kerajaan yang telah diluluskan secara dasar pemberian miliknya kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi tanah-tanah di bawah konsep Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

2. Perwakilan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 April 2002.

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Land Code, the State Authority has delegated to the Pahang State Director of Lands and Mines the power to approve the alienation to the State Secretary Pahang Corporation of any State land the alienation of which to the State Secretary Pahang Corporation has been approved in principle by the Executive Council in respect of land under the concept of Permanent Food Production Crops.

2. This delegation shall be deemed to have come into force on 1st April 2002.

Bertarikh 5 November 2002.

Dated 5 November 2002.
[PTG. Phg. Sulit 0802.]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang

No. 1033.

(Seksyen 62)

PERIZAPAN TANAH UNTUK MAKSUD AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 854 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 610, Mukim Hulu Telom, Daerah Cameron Highlands, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. PA 06-069661 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Gereja Roman Catholic di bawah kawalan Pegawai Daerah Cameron Highlands.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority has reserved the land measuring an area of 854 square metres known as Lot 610, Mukim of Hulu Telom, District of Cameron Highlands, as delineated upon Survey Plan No. PA06-069661 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Roman Catholic Church, to be under the control of Cameron Highlands District Officer.

Bertarikh 5 November 2002.

Dated 5 November 2002.
[CH(T) 2090.]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang

No. 1034.

(Subseksyen 64(1))

PEMBATALAN PERIZAPAN

(Subsection 64(1))

REVOCATION OF RESERVATION

Bahwasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 446 yang disiarkan pada 12 November 1959, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 24(i) Kanun Tanah yang diwakilkan kepadanya telah merizabkan tanah seluas 5e. 3r. 29p. yang dikenali sebagai Lot No. 3335 terletak di Karak, Mukim Sabai, Daerah Bentong, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 19,968 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang bagi maksud awam, iaitu sebagai tapak “Trenching Ground”;

Dan bahwasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 28 Mac 2002 sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 326;

Dan bahwasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian adalah diisyiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perizapan tersebut.

Whereas by the Pahang Government Gazette No. 446 published on 12 November 1959, the Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers under subsection 24(i) of the Land Code which was delegated to him has reserved the land comprising of an area of 5a. 3r. 29p. known as Lot No. 3335 situated in Karak, Mukim of Sabai, District of Bentong, delineated upon Survey Plan No. 19,968 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public, to wit a site for a Trenching Ground;

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

930

[5hb Dis. 2002]

And whereas a notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code was published in the Government of Pahang *Gazette* on 28 March 2002 as *Gazette* Notification No. 326;

And whereas on the date and time fixed for enquiry, the Pahang State Director of Lands and Mines did not receive any objection to the proposal;

Now therefore it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes the aforesaid reservation.

Bertarikh 5 November 2002.

Dated 5 November 2002.
[PT. Btg. 27/S/207.]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

No. 1035.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah bagi tujuan Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1, (Lot Tambahan) Mukim Luit, Daerah Maran, Pahang.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Maran. Mukim—Luit.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	PM		Hektar	Hektar
3645	326	Chik binti Salleh	3.054	0.141

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

5hb Dis. 2002]

931

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	PM		Hektar	Hektar
3646	439	Abd. Rahman bin Awg. Setan	2.939	0.018

Bertarikh 18 Oktober 2002.
[PTM 6/4/0200.]

DATUK LUGIMAN BIN ABU SEMAN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Pahang

No. 1036.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah untuk Tapak Sistem Pembetungan dan Jalan Keluar Masuk di Kampung Paya, Mukim Tioman, Daerah Rompin, Pahang Darulmakmur.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Rompin. Mukim—Tioman. No. Lot Ukur—173. Hakmilik atau Pendudukan—GM 99. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Kapsiah bt Setafa 1/1 bhg. Keluasan Lot—1.8260 hektar. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—0.3651 hektar. (Satu Hakmilik Berdaftar sahaja).

Bertarikh 28 Oktober 2002.
[PBT/P/09/06/2002.]

DATUK HAJI LUGIMAN BIN ABU SEMAN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Pahang

No. 1037.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah untuk Tapak Sistem Pembetungan dan Jalan Keluar Masuk di Kampung Air Batang, Mukim Tioman, Daerah Rompin, Pahang Darulmakmur.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Rompin. Mukim—Tioman. No. Lot Ukur—164. Hakmilik atau Pendudukan—GM 243. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Hashim bin Md. Aris 9/28 Bhgn. dan Long Ahmad Zainal Abidin bin Mohamed Tahir 19/28 bhgn. Keluasan Lot—1.3986 hektar. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—0.4368 hektar. (Satu Hakmilik Berdaftar sahaja).

Bertarikh 28 Oktober 2002.
[PBT/P/09/10/2002.]

DATUK HAJI LUGIMAN BIN ABU SEMAN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Pahang

No. 1038.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah untuk Tapak Sistem Pembetungan dan Jalan Keluar Masuk di Kampung Juara, Mukim Tioman, Daerah Rompin, Pahang Darulmakmur.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Rompin. Mukim—Tioman. No. Lot Ukur—363. Hakmilik atau Pendudukan—GM 45. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Edah bt Hassan 159/108 bhg. dan Edah bt Hassan 93/108 bhg. Keluasan Lot—1.2520 hektar. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—0.5798 hektar. (Satu Hakmilik Berdaftar sahaja).

Bertarikh 30 Oktober 2002.
[PBT/P/09/08/2002.]

DATUK HAJI LUGIMAN BIN ABU SEMAN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Pahang

NOTIS-NOTIS AM**No. 1039.****KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAAN

Kepada Tan Hin Sing (KP. 480112-06-5091 @ 1330135) beralamat di 13 Lorong Sri Kuantan 38, 25250 Kuantan, Pahang Darul Makmur penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan:

Gagal untuk membuat pembayaran ansuran bulanan sejumlah RM99,110.47 (Ringgit Malaysia: Sembilan Puluh Sembilan Ribu Satu Ratus Sepuluh dan Sen Empat Puluh Tujuh) sahaja seperti pada 16 Julai 2002 beserta faedah pada kadar 8.65% setahun serta faedah denda pada kadar 1.00% setahun sebagai penyelesaian tunggakan kepada pemegang gadaian sepertimana terkandung di dalam Gadaian bertarikh 9 September 1999.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya Empat Belas (14) Hari sebelum tarikh notis ini disampaikan.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh Empat Belas (14) Hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
Mukim Kuala Kuantan	No. P.T 30138	H.S.(M) 27926	Semua	Tiada	Pers. No. 5367/99
Daerah Kuantan					

Satu (1) Hakmilik sahaja

Bertarikh 30 Julai 2002.

Bumiputra-Commerce Bank Berhad,
Oleh wakil mutlaknya,Tandatangan oleh atau bagi pihak
Pemegang Gadaian

No. 1040.**KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Liew Kwai Fon (KP. 530729-08-5212 @ 8043297) beralamat di E-1201 Tingkat 1, Jalan Wong Ah Jang, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur atau 2 Jalan Indah 2, Taman Indah Sungai Jelok, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan:

Gagal untuk membuat pembayaran ansuran bulanan sejumlah RM101,285-71 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Satu Ribu Dua Ratus Lapan Puluh Lima Dan Sen Tujuh Puluh Satu) sahaja seperti pada 16 Julai 2002 beserta faedah pada kadar 7.65% setahun serta faedah denda pada kadar 1.00% setahun sebagai penyelesaian tunggakan kepada pemegang gadaian sepertimana terkandung di dalam Gadaian bertarikh 9 September 1999.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya Empat Belas (14) Hari sebelum tarikh notis ini disampaikan.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh Empat Belas (14) Hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
Mukim Kuala Kuantan	No. P.T 30141	H.S.(M) 27929	Semua	Tiada	Pers. No. 5373/99
Daerah Kuantan					

Satu (1) Hakmilik sahaja

Bertarikh 10 September 2002.

Bumiputra-Commerce Bank Berhad,
Oleh wakil mutlaknya,Tandatangan oleh atau bagi pihak
Pemegang Gadaian

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

5hb Dis. 2002]

935

No. 1041.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 255)

TUNTUTAN UNTUK PEMBAYARAN WANG POKOK

Kepada Esah binti Ma'alim (KP. 1658801) beralamat di DM 40, Telok Baru, Tanjung Lumpur, 26060 Kuantan, Pahang Darul Makmur pengadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya wang pokok yang dijaminkan oleh gadaian berjumlah RM16,374.13 setakat 30 Jun 2000 dan adalah kena dibayar apabila diminta.

Saya, sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 255 Kanun Tanah Negara dengan ini menghendaki pembayaran wang tersebut dengan segera.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah wang tersebut tidak dibayar dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis ini, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
Mukim Ganchong	No. Lot 861	G.M 228	Semua	Tiada	Perserahan No. 318/1994 Jilid: 36 Folio: 10

Satu (1) Hakmilik sahaja

Bertarikh 11 Oktober 2000.

RIDZUAN HAZIMIN BIN RAMLI,
Peguambela & Peguamcara,
Kuantan

Tandatangan (atau lain-lain cara
Penyempurnaan) oleh atau bagi
Pihak pemegang gadaian

Hakcipta Pencetakan 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR

BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA